

**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. ROZIAH
MOHD JANOR
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

MAJLIS MENANDATANGANI MoU

ANTARA

**AKADEMIK KEPOLISAN UITM-PDRM (AKP)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

DENGAN

**SELANGOR WILAYAH INDUSTRIAL SECURITY
SOCIETY (SWISS)**

27 JULAI 2023

Bismillahirrahmanirrahim

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

**Yang Berbahagia Tan Sri Hj. Musa bin Tan Sri Hj.
Hassan**

Pengerusi
Selangor Wilayah Industrial Security Society

Yang Berbahagia Dato Dr. Noor bin Awang

Timbalan Pengerusi
Selangor Wilayah Industrial Security Society

Yang Berbahagia Dato Khirudin bin Tajudin

Ketua Penasihat
Selangor Wilayah Industrial Security Society

**Yang Berbahagia Profesor Dr Hj. Mohd Sazili
Shahibi**

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar

**Yang Berbahagia Profesor Madya Ts. Dr. Hj.
Mohammad Noor Jalil (DSP/KS)**

Pengarah

Akademi Kepolisian UiTM-PDRM (AKP)

- Koordinator-koordinator Akademik Kepolisian
- Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian,

[Salutasi - kemas kini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia-Nya, Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan Selangor Wilayah Industrial Security Society (SWISS) ini dapat dilaksanakan.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak SWISS kerana sudi menjalinkan kerjasama pintar bersama UiTM.

3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Akademik Kepolisian UiTM-PDRM dan Pengurusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM, yang telah berjaya merancang dan menguruskan pelaksanaan majlis bersejarah pada hari ini.

4. Bagi pihak UiTM, kami amat mengalu-alukan dan amat berbesar hati, serta berbangga dengan berkat

kerjasama daripada semua pihak, dan terhasilnya kesepakatan untuk menandatangani MoU pada hari ini.

Hadirin sekalian,

5. Kolaborasi dan usahasama strategik ini merupakan salah satu daripada inisiatif UiTM ke arah '*GLOBAL BRANDING AND SMART PARTNERSHIP*' selaras dengan perancangan strategik UiTM2025. Ini juga merupakan inisiatif bagi memastikan UiTM sentiasa relevan dalam pembangunan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang seiring dengan keperluan industri pada masa kini.

6. UiTM amat mengambil berat akan pentingnya dalam melebar luas hubungan kerjasama akademik dan kepakaran dengan institusi-institutusi berkaitan, yang mana untuk MoU kita pada hari ini, ia selaras dengan kemajuan serta pembangunan dalam bidang pengurusan kawalan keselamatan di Malaysia.

Hadirin sekalian,

7. Saya berharap melalui kerjasama strategik ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak khususnya perkembangan positif dalam bidang akademik, perkongsian kepakaran, pengetahuan, penyelidikan serta kolaborasi, khususnya dalam bidang pengurusan kerjaya keselamatan di Malaysia.

8. Secara tidak langsung, ia akan melebar luas pendedahan dan akses pengetahuan serta kemahiran yang menepati keperluan dan kehendak organisasi kawalan keselamatan terkini.

9. Kolaborasi dan usahasama strategik ini, merupakan salah satu langkah untuk memastikan aspek penyampaian perkhidmatan sektor kawalan keselamatan ke tahap yang lebih tinggi, melalui proses penambahbaikan kemahiran profesional tenaga kerja sektor keselamatan dengan mengguna pakai kemajuan ICT yang ada. Ia juga akan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia yang berkecenderungan untuk menceburi

berjaya kawalan keselamatan dan meningkatkan kepakaran modal insan.

10. Saya yakin dengan kekuatan yang ada pada UiTM dan pihak SWISS, kerjasama perlu diperkukuh bagi meningkatkan kualiti kerjasama dalam bidang pendidikan dan penyelidikan, khususnya bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sektor kawalan keselamatan.

11. Dengan termeterainya MoU ini juga, sudah pasti akan merencanakan lagi bidang kerjasama strategik yang sedang dan akan dirancang oleh Akademik Kepolisian UiTM-PDRM bersama pihak SWISS, di samping menjana bidang kerjasama baharu yang memberi impak dan manfaat kepada kedua belah pihak.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak pengurusan Akademik Kepolisian UiTM-PDRM kerana berjaya mewujudkan usahasama strategik dengan SWISS.

13. Terima kasih juga saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan penganjuran majlis pada hari ini berjalan dengan lancar.

**Sekian, wabillahitaufik walhidayah
wasalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.**